

21 JUL 2001

KEHADIRAN PARTI POLITIK PECAH-BELAHKAN MASYARAKAT KAMPUS, KATA MUSTAPA

KOTA BAHARU, 21 Julai (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed berkata kehadiran parti-parti politik di institusi pengajian tinggi boleh memecah-belahkan masyarakat kampus.

Adakalanya kehadiran parti politik menimbulkan keadaan yang tidak baik dan ini menjejaskan imej universiti serta mengganggu pembelajaran pelajar.

"Hari ini satu trend telah berlaku, apabila pelajar yang fanatik tidak mahu menerima pandangan orang lain, membiarkan pemikiran mereka tertutup," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar keselamatan dan program celik IT, Kemajuan Masyarakat (Kemas) Kelantan di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Penasihat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang meminta kalangan tertentu supaya tidak mengkhianati bangsa dengan memesongkan tumpuan generasi muda yang sedang menuntut semata-mata bagi memenuhi kepentingan segelintir pihak.

Mustapa berkata hakikat yang perlu diakui oleh semua pihak bahawa telah berlaku keadaan tegang di kampus kerana politik kepartian dan ini terpesong daripada agenda sebenar untuk memberi pendidikan terbaik kepada generasi muda.

Terdahulu ketika berucap, Mustapa berkata ilmu teknologi maklumat perlu didedahkan bermula dari zaman kanak-kanak pra sekolah lagi dan beliau meminta para penganjur pra sekolah mengatur program terbaik bagi kanak-kanak menguasai ilmu itu.

-- BERNAMA

BD RON